

TEKS UCAPAN

**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**

**NAIB CANSOLOR UniMAP**

SEMPENA

***Program Taklimat Waris Sempena Pendaftaran Pelajar Ijazah  
Dan Program Minggu Suaikenal Sidang Akademik 2014/2015***

Bismillahirrahmanirrahim

**Salam Perlis "Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri  
Sejahtera, Perlis Maju"**

dan

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI DI RAJA**

Menghadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Tuanku Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Pro-Canselor UniMAP.

Patik, mewakili sekalian warga UniMAP serta yang hadir pada hari ini, merafak sembah menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Tuanku berdua bercemar duli berangkat hadir ke Majlis Taklimat Waris bersempena pendaftaran pelajar baru sesi kemasukan 2014/2015 pada pagi ini.

Sesungguhnya, keberangkatan hadir Duli Tuanku berdua pada majlis pagi ini membuktikan sokongan jitu Duli Tuanku berdua selaku Canselor dan Pro-Canselor UniMAP yang bukan hanya menyampaikan skroll ijazah kepada pelajar di hari Konvokesyen, sebaliknya turut bersama menyambut pelajar ke UniMAP buat kali pertamanya.

Inilah sesuatu yang unik mengenai Universiti Malaysia Perlis yang mana Tuanku Canselor dan Tuanku Pro-Canselor sentiasa komited dalam apa jua usaha untuk memajukan lagi universiti yang patik sekalian sayangi.

Patik sekalian berdoa semoga Duli Tuanku berdua senantiasa diberikan kesihatan yang baik dan dilimpahi rahmat Allah agar dapat terus bersama-sama patik sekalian memacu UniMAP sebagai antara Universiti terbaik di dunia. Insya Allah.

Ampun Tuanku,

Dengan ini patik memohon limpah perkenan Duli Tuanku berdua untuk patik memberikan ucapan sepatah dua kata kepada para hadirin sekalian.

Ampun Tuanku.

## **SALUTASI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof Dr Abdul Hamid Adom, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd. Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti.

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Wakil-wakil media,

Yang dihormati para ibu bapa dan waris pelajar seterusnya anak-anak pelajar baru Universiti Malaysia Perlis bagi sidang akademik 2014/2015 yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana hanya dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita dapat

berkumpul pada pagi yang memberikan seribu satu rasa buat kita di sini. Marilah kita memanjatkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga buat Allah SWT kerana mengizinkan kita berada dalam satu majlis bersifat kekeluargaan ini – ibu dan bapa serta mungkin sanak saudara keluarga hakiki pelajar dan kami di Universiti Malaysia Perlis ini sebagai keluarga baru pelajar. Selawat dan salam kepada Baginda Rasulullah S.A.W, para sahabat dan anggota keluarga Baginda. Semoga himpunan kekeluargaan ini diberkati Allah S.W.T.

2. Terlebih dahulu izini saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ‘Selamat Datang,’ , ‘Welcome’, ‘Ahlan Wa Sahlan Wal Marhaban’, ke Universiti Malaysia Perlis, **‘Universiti Pilihan yang Berdaya Saing’ / ‘A Competitive University of Choice’** kepada semua yang hadir, khususnya para ibu bapa yang diraikan.
  
3. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada anak-anak pelajar sekalian yang kini sudah melangkah ke satu alam baru, alam Menara Gading yang bakal menjanjikan pelbagai cabaran dan keseronokan dalam usaha mendaki puncak kejayaan. Saya percaya, adalah menjadi impian dan harapan semua orang untuk melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat tertinggi tetapi bukan semua orang mampu meraihnya.

*Ladies and Gentlemen,*

*4. I would also like to take this opportunity to congratulate and welcoming all international students who have been accepted to further their studies at UniMAP and a very warm welcome to the tranquil state of Perlis. You are now part of an international community. This international family is diverse, which makes it more interesting. You get to meet people who do not speak your language, people who grew up in a different culture. You get to take a peek at how people from other countries live their lives and eventually learn something out of it. Good Luck to all of you.*

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Alhamdulillah, hari ini, UniMAP menerima masuk sejumlah **3,052** pelajar-pelajar baru yang bakal mengikuti program-program pengajian Ijazah Sarjana Muda pada sesi 2014/2015 ini.

6. Daripada jumlah ini, 62 peratus merupakan pelajar wanita manakala baki 38 peratus lagi merupakan pelajar lelaki. UniMAP juga pada tahun ini dengan bangganya mengalukan kelompok 100 pelajar pertama yang terpilih untuk mengikuti Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu yang bakal ditawarkan mulai tahun ini.

7. UniMAP juga pada hari ini akan menerima pelajar-pelajar antarabangsa sejumlah **159 orang** yang bakal mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang masing-masing. Jumlah ini akan menjadikan pelajar “undergrad” UniMAP keseluruhannya kini mencecah jumlah 10,280 pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat **DIPLOMA** dan **IJAZAH SARJANA MUDA** sahaja (jumlah ini setelah ditolak 1,866 pelajar yang akan bergraduat tahun ini). Dan jika ditambah dengan bilangan pelajar Sarjana Dan Doktor Falsafah, jumlahnya meningkat kepada 12,200 pelajar.
8. Ini merupakan peningkatan yang cukup membanggakan kerana jika dilihat pada tahun lalu, jumlah pelajar UniMAP keseluruhannya hanya sekitar 10,000 dan Insya Allah, dengan enrolment kemasukan pelajar sebegini, saya yakin dan percaya, sasaran dan misi UniMAP untuk mencapai 15,000 pelajar menjelang tahun 2015 akan tercapai.
9. Hari ini, dengan melihat raut wajah ibu bapa dan anggota keluarga yang hadir dapat saya rasai betapa gembira dan bangganya perasaan para ibu bapa sekalian. Di sebalik wajah-wajah ini juga terselindung harapan dan impian yang menggunung agar anak-anak yang diberi peluang oleh Allah S.W.T menyambungkan pelajaran ini dapat menjadi anak yang lebih kukuh dan mantap iman dan kesolehannya, dan

seterusnya berupaya merubah nasib keluarga, bangsa, negara dan ummah seluruhnya.

10. Saya berasa amat yakin jika ibu bapa sekalian secara berterusan dapat menasihati, menegur dan membimbing anak-anak yang dipinjamkan kepada kami dalam jangka masa tiga dan empat tahun mendatang ini, insya-Allah tanggungjawab kami untuk 'Melahirkan Modal Insan Kamil yang Menyumbang kepada Agenda Pembangunan dan Daya Saing Industri Negara', yang menjadi misi UniMAP akan dapat dilaksana dengan lebih realistik. Insya Allah.

## **12 SEBAB PILIH UniMAP**

Hadirin dan hadirat sekalian,

Dikesempatan ini juga, saya ingin menjelaskan 12 sebab kenapa para ibu bapa/waris dan juga pelajar perlu berasa bangga apabila terpilih menjadi warga UniMAP yang kini tersenarai sebagai 200 universiti terbaik di Asia :

### **Pertama :**

UniMAP diiktiraf sebagai Universiti bertaraf **TIGA BINTANG** Keseluruhannya berdasarkan audit QS Stars yang dijalankan oleh QS Intelligence Unit. Audit ini juga mengiktiraf UniMAP sebagai universiti **LIMA BINTANG** dalam bidang pengajaran dan

pembelajaran (akademik), kemudahan prasarana dan kemudahan pembelajaran serta **EMPAT BINTANG** dalam aspek jalinan hubungan. QS Stars juga mengiktiraf UniMAP TIGA BINTANG menerusi aspek kebudayaan, kebolehpasaran graduan serta pengantarabangsaan.

**Kedua:**

Sudah terbukti bahawa graduan UniMAP sangat dialu-alukan oleh industri. UniMAP atau KUKUM sejak penubuhan pada 2002 sehingga hari ini telah mengeluarkan lebih dari 7000 modal insan. Pada 2013, sebanyak **87%** graduan yang dihasilkan telah mendapat pekerjaan. Daripada jumlah graduan, hampir **30 peratus** akan bekerja di **industri industri prima dan multinasional**. 24% bekerja di GLC dan syarikat syarikat swasta.

**Ketiga :**

Semua program akademik yang ditawarkan **diiktiraf** oleh Kerajaan (KPT, MQA) dan juga badan professional (BEM/EAC)

**Keempat :**

Kemudahan, khususnya **peralatan makmal**, yang disediakan adalah **bersifat 'high end' dan berskala industri**. Ini diakui sendiri oleh anggota industri yang turut menggunakan kemudahan UniMAP dari semasa ke semasa. Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk melengkapkan makmal-makmal ini, yang boleh digunakan oleh pelajar.



**Kelima:**

Berlainan daripada kebanyakan universiti lain, semua pelajar diberikan **kemudahan penginapan di dalam kampus**. Ini bermakna keselamatan dan kebajikan pelajar adalah terjamin. Terdapat sistem pengangkutan dalaman yang memudahkan pelajar bergerak dari satu lokasi ke lokasi lain tanpa perlu membayar tambang perjalanan.

**Keenam:**

Pihak Universiti sentiasa mengatur pelbagai **program yang bertujuan meningkatkan pembangunan sahsiah pelajar**. Program-program seperti '7 pillars + I' adalah program-program tersusun yang diikuti pelajar sepanjang pengajian mereka di sini. Ini bermakna pelajar bukan sahaja dapat menguasai ilmu akademik, tetapi dapat juga menguasai kemahiran insaniah yang sebenarnya amat diperlukan untuk berjaya dalam bidang kerjaya kelak.

**Ketujuh:**

**Staf** UniMAP adalah terdiri dari mereka yang **berkelayakan tinggi** dalam bidang akademik dan penyelidikan. Ini dibuktikan dengan bilangan tinggi **pingat emas, perak dan gangsa** yang diperolehi dalam ekspo-ekspo tempatan dan luar negara. Malah, pelajar juga berpeluang menjalankan penyelidikan yang memungkinkan mereka menyertai pelbagai ekspo di dalam dan luar Negara. Selain itu,

bilangan kertas kerja yang dihasilkan dalam **jurnal-jurnal berimpak tinggi** juga membuktikan kenyataan ini.

### **Kelapan:**

**Sistem penyampaian akademik** di UniMAP **melibatkan ahli-ahli industri** untuk turut serta memberikan kuliah dari semasa ke semasa. Ini meningkat peluang pelajar mendalami keadaan di industri walau masih berada di universiti. Selain itu, banyak lagi program yang melibatkan pihak industri diatur – juga untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran pelajar tentang suasana bekerja di industri

### **Kesembilan:**

Di UniMAP **terdapat komuniti antarabangsa** (dari lebih 30 negara) yang belajar dan mengajar di sini. Ini menjadikan pembelajaran pelajar suatu pengalaman antarabangsa. Pelajar berpeluang meluaskan perspektif agar dapat menghargai adat dan budaya pelbagai masyarakat dunia. Ini amat penting memandangkan pelajar kelak akan bekerja di dalam dunia tanpa sempadan.

### **Kesepuluh:**

**Komuniti di UniMAP adalah amat rapat dan mengambil berat hal-ehwal pelajar.** Sebagai contoh, setiap pelajar mempunyai RPS nya yang tersendiri, yang berperanan menjadi rakan kepada pelajar sepanjang pengajian pelajar di sini. Ini bermakna, pelajar tidak perlu risau tentang kebajikan mereka kerana ia sentiasa dijaga.

**Kesebelas:**

UniMAP telah menjalinkan kerjasama dengan lebih dari 150 industri, institusi pengajian badan kerajaan serta NGO di Malaysia. Sementara itu di peringkat antarabangsa UniMAP telah **menjalinkan kerjasama dengan lebih dari 135 negara** melibatkan industri, institusi pengajian badan kerajaan serta NGO di seluruh dunia. Antara Negara tersebut adalah **Bosnia, New Zealand, Afrika selatan, Jerman, Arab Saudi, Amerika Syarikat** dan banyak lagi.

**Dan yang terakhir kedua belas:**

Pelajar **berpeluang meneruskan bidang yang diminati**. Sekiranya pelajar suka bersukan, terdapat bekas atlit negara yang bekerja di UniMAP, yang boleh menjadi mentor kepada pelajar.

Dengan 12 sebab itu juga, saya amat mengharapkan sokongan penuh dari para waris untuk terus menitipkan semangat dan motivasi buat anak-anak tuan/puan dalam meneruskan kehidupan di sini.

**KAMPUS UniMAP**

Hadirin Ibu bapa dan pelajar sekalian,

11. UniMAP merupakan kampus teragih yang terletak diseluruh pelosok negeri Perlis. Mula ditubuhkan sedekad yang lalu yakni pada tahun 2002 dengan dikenali sebagai

Kolej Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Pada tahun 1 Februari 2007, KUKUM melalui penjenamaan semula telah ditukar namanya menjadi UniMAP. Sebagai sebuah universiti, sudah semestinya kita memiliki kampus tetap, dimana, tempat yang anda jejak hari ini merupakan kampus tetap UniMAP yang dikenali sebagai **Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra**. Ia meliputi kawasan seluas 1,028 ekar. Kampus ini kini menempatkan Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Pembuatan, PPK Mekatronik, PPK Mikroelektronik, PPK Komputer dan Perhubungan dan PPK Sistem Elektrik. Selain itu, bangunan Perpustakaan yang tersergam megah juga terletak di kampus alam ini berhampiran pintu masuk utama kampus. Turut ditempatkan di sini ialah Pusat Kejuruteraan, Pusat Kerjasama Industri, Institut Matematik Kejuruteraan dan Kompleks Dewan Kuliah yang diduduki oleh Tuan/tuan dan puan-puan ketika ini.

12. UniMAP turut menyediakan kemudahan penginapan di dalam kampus menerusi pembangunan secara Inisiatif Pembiayaan Swasta (Private Finance Initiative; PFI) yang memuatkan 1,500 pelajar juga (yang terletak di bahagian belakang Kompleks Dewan Kuliah ini) mula diduki secara rasminya mulai tahun lalu. Insya Allah, UniMAP juga akan mula menempatkan para pelajar di kolej penginapan berhadapan kampus (berkonsepkan apartment) yang dibina

secara Sistem Binaan Industri (Industrial Building System; IBS) mulai semester kedua akan datang.

13. Tidak ketinggalan, UniMAP juga menyediakan pelbagai kemudahan kepada pelajar seperti Litar Go-Kart bertaraf Antarabangsa yang baru disempurnakan pra pelancarannya minggu lalu serta Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra yang memiliki trek sintetik 9 lorong serta pelbagai kemudahan gelanggang dan padang yang diiktiraf.
14. Bagi para pelajar program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan pula, anda juga akan ditempatkan di Kolej Kediaman Baru di Sg. Chuchoh yang juga di bina menggunakan konsep IBS.
15. Kawasan seluas 9.6 hektar ini dibina dengan pembiayaan syarikat luar iaitu Proven Group of Companies Sdn. Bhd. mempunyai enam blok pangsapuri setinggi tujuh tingkat serta dua blok pangsapuri setinggi lapan tingkat mengandungi keseluruhan 480 unit rumah kediaman yang sudah dibeli oleh pembeli dan disewa semula oleh UniMAP bagi menempatkan pelajar.
16. Di Sg. Chuchoh juga, ia menempatkan Institut Agroteknologi Lestari (INSAT) dengan pelbagai teknologi pertanian terkini termasuk lima buah Rumah Hijau Berteknologi Tinggi. Sebanyak tujuh bidang utama akan

dijadikan teras Institut ini iaitu meningkatkan mutu pengeluaran mempelam Harumanis yang menjadi produk ikon negeri Perlis, Ladang Intergrasi Sistem-bio, menghasilkan produk herba bernilai tinggi, industri burung walit, pembenihan ikan tempatan seperti ketutu dan puyu, pertanian persekitaran terkawal serta ladang siber.

### **APLIKASI ANDROID – TEKNOLOGI DI HUJUNG JARI**

17. Penggunaan telefon pintar sudah menjadi keperluan bagi setiap golongan masyarakat, malah ia memudahkan para pelajar untuk mencari maklumat yang diperlukan tanpa perlu pergi ke kafe siber lagi. Bagi memenuhi kehendak masyarakat yang semakin maju, Universiti Malaysia Perlis melalui Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) telah melancarkan dua aplikasi telefon pintar atau '*apps*' berasaskan sistem pengoperasian Android iaitu UniMAP Staff dan UniMAP Student News.

18. Aplikasi itu membolehkan warga UniMAP untuk mengakses maklumat terkini tentang semua berita yang dihebahkan samada melalui Portal UniMAP dan Laman Web Rasmi UniMAP. Aplikasi ini boleh dicapai daripada telefon pintar berplatform Android setelah pengguna memuat turun aplikasi ini melalui Google Play Store. Saya berharap ianya dapat memberi kemudahan kepada seluruh warga UniMAP

dalam mendapatkan informasi terkini di mana-mana lokasi tanpa perlu bergantung kepada kemudahan komputer bersesuaian dengan budaya kerja/belajar berbentuk 'mobiliti' masakini

## **PENUTUP**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

19. InsyAllah marilah bersama-sama kita menadah tangan dengan penuh rasa rendah diri memohon agar segala usaha yang digerakkan oleh setiap warga UniMAP ke arah keterlihatan antarabangsa yang menyerlah menjelang 2015 membuahkan hasil sekaligus menjadikan institusi ini disegani diperingkat antarabangsa.

20. Akhir kata, sempena sambutan Aidilfitri yang masih dirasai ini, saya ingin mengambil peluang mengucapkan selamat Hari Raya kepada semua. Saya bagi pihak universiti ingin memohon maaf kepada semua ibu bapa dan waris jika terdapat sebarang kesulitan sepanjang tempoh pendaftaran para pelajar pada hari ini. Semoga kita berjumpa lagi di masa-masa hadapan. InsyAllah pertemuan kita akan lebih bermakna apabila tuan/puan menghadiri majlis graduasi anak-anak tuan/puan kelak.

**Semarak jaya mendokong wawasan,  
Sedekad UniMAP, tahun gemilang,  
Pacuan ilmu, keikhlasan dan kegemilangan,  
UniMAP unggul kejayaan terbilang.**

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja sembah ucapan patik untuk hari ini. Patik sekali lagi merafak sembah menjunjung kasih yang tidak terhingga atas perkenan Duli Tuanku Berdua bercemar duli berangkat hadir menerima kemasukan pelajar baru pada pagi ini.

Patik sudahi dengan Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, Terima Kasih.